

# Jualan Perodua disasar naik 5 peratus tahun depan

UM (Business) Kulu 30/12/09 ms 20

KUANTAN 29 Dis. – Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua) menasaskan peningkatan jualan sebanyak lima peratus pada tahun depan berikutan pengenalan model baru kenderaan seperti Viva dan kenderaan pelbagai guna terbaru, Alza.

Pengarah Urusan Perodua, Datuk Syed Abdul Hafiz Syed Abu Bakar berkata, pihaknya juga menjangkakan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) tahun depan tidak memberi impak kepada prestasi keseluruhan syarikat kerana menjangka harga kereta luar tetap tinggi disebabkan tukaran wang.

Beliau berkata, peningkatan jualan tersebut mengambil kira jangkakan industri automotif negara kembali berkembang selepas mengalami kemerosotan disebabkan krisis ekonomi dunia.

"Tahun ini merupakan situasi paling teruk untuk industri automotif dunia dengan menyaksikan penyusutan sebanyak kira-kira 30 peratus.

"Bagaimanapun, industri automotif di Malaysia hanya mengalami penurunan sebanyak empat peratus berbanding tahun lalu, sementara Perodua sebanyak 1.8 peratus berbanding tahun lalu. Jadi, penurunan tersebut memberi impak sangat kecil kepada Perodua.

"Tahun depan, ramai yang menjangkakan industri akan kembali pulih tetapi ia tidak seperti tahun 1998 dan 2008. Bagaimanapun kita menjangkakan jualan kenderaan di Malaysia akan lebih 530,000 buah, menyamai jumlah tahun lalu sebanyak 548,000 buah.

"Perodua lain sikit, rekod kita (jualan) tahun lalu 167,000 dan tahun ini sebanyak 164,000 jatuh dua peratus. Tahun depan (kita jangka) 176,000 minimum," katanya selepas menyerahkan 13 robot industri berharga RM2.6 juta kepada Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim di Gambang di sini,



**TENAGA Pengajar UMP, Shahandzir Baharom (kanan) memberi penerangan tentang penggunaan robot fanus kepada dua pelajar jurusan Kejuruteraan Pembuatan UMP selepas majlis penyerahan 13 robot industri berharga RM2.6 juta di Pahang, semalam.**

hari ini.

Majlis penyerahan itu turut disaksikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Mohd. Hilmey Mohd. Taib yang mewakili Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah.

Syed Abdul Hafiz berkata, ketika ini, tiga model kenderaan Perodua yang paling laris di pasaran ialah Myvi, Viva dan Alza yang mempunyai lebih 80 peratus kandungan tempatan.

"Kereta Myvi telah muncul menjadi jema paling laku di Malaysia sejak 2006. Sekarang ada 380,000 buah kereta Myvi di atas jalan raya dengan jualan rekod pada Julai lalu iaitu sebanyak lebih 9,000 buah," katanya.

Mengenai Alza, beliau berkata, sejak dilancarkan November lalu, setakat ini pi-

haknya telah menerima tempahan sebanyak 15,000 buah dan menjangka permintaan akan terus meningkat mengambil kira harga kenderaan tersebut yang kompetitif.

"Kita tak sasarkan MPV ini (Alza) untuk keluarga anak lapan, tetapi untuk pasangan muda yang mempunyai bilangan anggota keluarga kecil," katanya.

Katanya, pihak syarikat telah meningkatkan pengeluaran sebanyak 4,000 buah sebulan mulai Januari ini dan menjadikan tempoh menunggu kepada hanya tiga bulan setengah.

Ditanya kemungkinan berlaku kenaikan harga pada kenderaan keluaran Perodua, Syed Abdul Hafiz berkata, perkara tersebut dijangka tidak berlaku mengambil kira prestasi semasa ekonomi dan permintaan.